



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 25 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	59,816 PENERIMA TERIMA MANFAAT PROGRAM MAFI PRIHATIN, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	DURIAN MURAH LICIN DALAM 2 JAM, NEGARA, KOSMO -14	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	AGROBANK EDAR BAKUL MAKANAN KEPADA 60 KELUARGA B40, NASIONAL, SH -12	AGROBANK
4. 5.	HASIL TERBAIK FORMULA SENDIRI, XPRESI, METRO AHAD -36 & 37 MIRROR THE AGRICULTURAL CYCLE, SUNDAY VIBES, NST -21	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2021	BERNAMA	ONLINE	

59,816 penerima terima manfaat program MAFI Prihatin



#BuletinBernama : Seramai 59,816 penerima yang kebanyakannya warga tani mendapat manfaat di bawah program MAFI Prihatin kelolaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Melalui peruntukan kira-kira RM5.2 juta, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata program MAFI Prihatin itu dilaksanakan bagi membantu golongan sasaran seperti penternak, petani serta peladang yang terjejas akibat pandemik COVID-19 melalui sumbangan bantuan 'in-kind' seperti barangan keperluan harian dan makanan.

Durian murah licin dalam 2 jam

KUALA TERENGGANU – Sebanyak 10 tan durian kampung yang dijual secara murah di Pasar Tani Hiliran di sini semalam licin dalam tempoh kurang dua jam.

Sebahagian pengunjung sanggup beratur panjang seawal pukul 7 pagi semata-mata untuk mendapatkan durian pada program kelolaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu tersebut.

Pengarah FAMA Terengganu, Che Ghani Che Wan berkata, durian kampung yang dibawa khas dari Besut berkenaan dijual pada harga RM20 setongkok, manakala bagi pelanggan yang membeli tiga longgok sekali gus, harga istimewa RM50.

"Setiap longgok mengandungi tiga atau empat biji durian de-

ngan berat hampir lima kilogram. Kita juga menjual durian tersebut dengan harga RM4.50 sekilogram.

"La pendekatan serampang dua mata membolehkan orang ramai menikmati durian dengan harga berpatutan selain membantu pengusaha raja buah tempatan mengatasi lebihan pengeluaran pada masa ini," katanya ketika ditemui di Pasar Tani Hiliran di sini semalam.

Che Ghani berkata, durian dari kebun pengusaha Terengganu sudah mula luruh ketika ini sekaligus membantu menurunkan harga raja durian tersebut di pasaran negeri ini kepada harga antara RM4 hingga RM8 sekilogram.

Sementara itu, seorang pelanggan, Ramlah Muthammad, 65, berkata, dia dan suami sanggup

pergi Pasar Tani Hiliran yang terletak kira-kira 15 kilometer dari rumah mereka di Gong Badak, Kuala Nerus untuk membeli durian pada harga murah.

"Sebelum ini kurang mampu sebab harga durian yang dibawa dari Johor dan Pahang berharga lebih RM20 sekilogram. Malam tadi (semalam) tidur saya kurang lena, takut terlepas beli durian pagi ini.

"Hari ini saya terus beli 10 kilogram dengan harga RM4.50 sekilogram untuk dimikmati bersama keluarga," katanya.

Seorang lagi pelanggan, Nur Syadatul Baiqis Shariuddin, 20, berkata, tindakan FAMA itu membantu mereka yang terjejas mendapatkan untuk turut menikmati durian.



ORANG ramai beratur seawal pukul 7 pagi bagi membeli durian murah kelolaan FAMA di Pasar Tani Hiliran di Kuala Terengganu semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Agrobank edar bakul makanan kepada 60 keluarga B40

SHAH ALAM - Agrobank dengan kerjasama Persatuan Jaringan Pembangunan Luar Bandar Malaysia (DHRRA Malaysia) dan Yayasan MySkills mengedarkan bantuan bekalan makanan kepada 60 keluarga B40 menerusi program CovidCaremy 3.0 pada Khamis.

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, penerima bekalan makanan itu ialah penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Ria, Pantai Dalam, Kuala Lumpur yang telah selesai menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) pada 14 Julai lalu.

“Sebagai sebuah entiti korporat yang prihatin dan peka dengan cabaran dan keadaan semasa yang sedang dihadapi komuniti setempat, Agrobank mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Ia bertujuan untuk meluaskan capaian bagi memberikan sumbangan dan bantuan kepada mereka yang terkesan oleh si-

tuasi semasa berikutan penularan pandemik Covid-19 yang sudah memasuki tahun kedua,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, sejumlah RM200 diperuntukkan bagi setiap keluarga untuk bekalan makanan asas seperti beras, tepung, minyak masak kit penjagaan diri dan barangan korporat Agrobank seperti tuala muka, kipas tangan dan beg sandang untuk diedarkan kepada keluarga yang telah dikenal pasti oleh DHRRA Malaysia.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa CovidCaremy dan DHRRA Malaysia, S Saravanan berkata, pihaknya berbesar hati kerana Agrobank berganding bahu membantu golongan terkesan akibat Covid-19.

“Dengan kerjasama dan sumbangan pelbagai entiti korporat, DHRRA Malaysia berjaya membantu lebih 13,325 keluarga melalui dua fasa program CovidCaremy sebelum ini,” katanya.



Salah seorang penerima bekalan makanan menerusi program CovidCaremy 3.0 di Kuala Lumpur pada Khamis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2021	METRO AHAD	XPRESI	36



BUAH rock melon dari ladang Arafat menjadi kesukaan pembeli kerana kemanisannya.

AGRO

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@metro.com.my

Terdapat formula tertentu digunakan dalam kaedah penanaman pokok rock melon bagi memastikan keberhasilan tinggi selain mutu buahnya menepati piawalan.

Menurut seorang pengusahanya, Arafat Abd Rasyid, formula tanaman adalah berbeza mengikut-biji benih dan musim ia ditanam.

Kata Arafat yang mesra disapa Araf, ketika ini dia menggunakan dua jenis biji benih iaitu Thai Melon dan Madesta atau Panah Merah dengan formula atau kaedah tanam berbeza.

"Saya bernasib baik ditemu dengan pengusaha tanaman yang dikenali sebagai Khairul Bas yang membantu saya dalam ilmu penanaman

buah terbahit daripada kosong sehinggalah berjaya menemui formula sendiri. "Kos permulaan menggunakan modal sendiri yang agak tinggi iaitu lebih RM30,000 dengan jumlah 1,300 pokok.

"Saya memulakan dengan keluarnya selain menggunakan simpanan sendiri untuk pelaburan awal kerana menggunakan kaedah fertigasi berpara.

"Di sini kawasan tanahnya rendah dan kalau hujan tanah boleh digenangi air selain tenggelam. Saya terpaksa laraskan semua anak pokok menggunakan kaedah fertigasi berpara supaya tanaman boleh diselamatkan meskipun pada musim banjir," katanya yang mengusahakan tanaman tembikai itu di Kampung Kanchong Darat Banting, Selangor.

Meskipun ketika permulaan pengeluaran hasil tidak dapat mencapai kualiti premium iaitu buahnya hanya memiliki

berat sekitar 1.4 kilogram, namun ia masih boleh dijual kepada penjual perseorangan atau pembeli secara langsung.

"Dalam penanaman rock melon bagi mencapai kualiti premium atau gred A, berat buah perlu melepasi 1.5 kilogram.

"Selain rupa buah yang cantik iaitu permukaan kulit diselaputi seakan-akan akar putih berselirat, perlu pastikan kemanisan mencapai lebih 13 hingga 16 brix.

"Biasanya pemborong hanya membeli buah pada kualiti ini untuk dipasarkan di pasaraya dan permintaan buah ini cukup tinggi dan menguntungkan," katanya yang berbangga apabila tanaman dilusahakan itu mengeluarkan buah mutu premium pada taun kedua dan ketiga.

Banyak faktor dalam menentukan hasil terbaik termasuk menggunakan benih berkualiti selain kaedah atau formulasi

HASIL TERBAIK FORMULA SENDIRI

Meskipun 'berguru', Arafat cari penyelesaian sendiri untuk penanaman rock melon kerana faktor musim, kawasan berbeza

penanaman yang betul. "Setiap penanam ada formula tersendiri dan itu hanya dapat dipelajari dalam tempoh proses penanaman. Saya sendiri meskipun berguru, tetapi ada ketika terpaksa mencari penyelesaian sendiri kerana faktor musim selain kawasan tanaman yang berbeza.

"Kalau buah ditanam pada musim hujan, kaedah atau cara penanaman sehinggalah menuai berbeza kerana kualiti terutama kemanisan buah bergantung kepada faktor ini.

"Buah ditanam pada musim panas lebih manis berbanding ketika musim hujan, tetapi dengan kaedah tertentu biasanya penanam ada cara supaya buah itu mencapai skala kemanisan yang sewajarnya sebelum ia dituai," katanya.

Faktor lain juga seperti ejen pembungaan juga memainkan peranan penting dalam memastikan pengeluaran buah selain perlu dilindungi daripada serangan lalat buah (white fly) yang boleh menjejaskan kualiti buah.



BUAH rock melon mempunyai permukaan kulit seperti akar putih yang berselirat.



PROSES semai benih.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2021	METRO AHAD	XPRESI	37



ARAFAT (kiri) bersama 'sifu' rock melon, Khoirul Bos.



FOTO: ARAFAT ABU RASYID

DUA biji benih digunakan Arafat, Thel Melon dan Madesta.



FERTIGASI berpara kerana kawasan tanah rendah berisiko apabila musim hujan.

Buah ditanam pada musim panas lebih manis berbanding ketika musim hujan, tetapi dengan kaedah tertentu biasanya penanam ada cara supaya buah itu mencapai skala kemanisan yang sewajarnya sebelum ia dituai

ARAFAT

Kata pengusaha berusia 33 tahun itu juga, selain perlu pastikan buah yang dikeluarkan menepati piawai berat dan manis kualiti premium, buah boleh terjejas dengan serangan alat buah:

"Serangan alat buah juga menjejaskan kualiti buah kerana serangan perosak itu gemar menebuk buah yang hampir matang boleh menyebabkan ia jatuh kepada kualiti C.

"Ia hanya dapat diatasi dengan penjagaan lebih baik iaitu aturan baja yang bersistematik selain penggunaan rabun berkala untuk memastikan ia berkesan.

"Perlu juga penanam rock melon peka dengan perubahan musim terutama ketika musim

hujan yang memerlukan lebih kerap kerja meracun bagi mengekang masalah ancaman perosak," katanya. Dalam penanaman rock melon ini juga ada juga fasa pokok terpaksa dibuang kerana penyakit atau pertumbuhan terbantu.

Katanya, dalam tempoh dua hingga tiga bulan penanaman sebelum hasil dituai, terdapat tempoh tertentu pokok dibuang kerana penyakit atau terbantu.

"Ketika ini saya sudah masuk musim ketiga dengan jumlah pokok

sudah mencecah 3,000. Saya jangkakan hasil jualan musim ini mencecah sekurang-kurangnya RM20,000.

"Menuai biasanya bergantung kepada pembeli atau pemborong. Pemborong biasanya ada permintaan untuk tuai awal kerana mahu buah antara dua hingga tiga hari sebelum betul-betul masak dijual dalam pasar raya," katanya yang kini turut membantu 30 individu yang ingin berjinak-jinak dalam tanaman rock melon.



PEMBELI juga boleh menuai sendiri di ladang.

Mirror the agricultural cycle

W e all know the importance of planting seeds, waiting for germination and growth, harvesting a crop, consuming a part of our yield, and later replanting new seeds so Mother Nature may do what she does best: perpetual life.

There are stunning parallels between the sequential processes of putting food on our tables and cash in our farmers' bank accounts, and the best way for regular people to manage our finances.

Let's consider five phases of the agricultural and financial cycles:

1. Planting seeds = Working hard for our income, be it salary or revenue;
2. Waiting for germination and growth = Waiting for our scheduled payoff;
3. Harvesting the crop = Receiving our hard-earned money;
4. Consuming part of that crop = Spending our money to maintain a chosen lifestyle, and
5. Replanting new seeds = Holding back some of our earnings to boost our next cycle's total income.

If you're clear on the parallels between those two processes, we can then dive deeper into our own financial (or economic) cycle.

PHASE 1: WORK HARD FOR OUR MONEY

There is a (translated) Chinese rhyme I appreciate:

"This one makes a net;
This one stands and wishes.
Would you like to bet
Which one gets the fishes?"

In these horrific economic times, I suggest those who need to ramp up their regular 40 hours of work a week (assuming they still retain jobs) should consider overtime or additional part-time gigs to raise their crisis-ramped work-weeks to 50, 60, 70, 80 or 90 hours.

Work hard — perhaps harder than you have ever worked before — to make more money now so you won't have to work so hard in the future. I'm advocating only a medium-term season of imbalance, perhaps over the next five years; we don't want to perpetuate workaholicism as a permanent way of life because partway down that pernicious path lies family disintegration.

PHASE 2: EXERCISE PATIENCE

As you work more and more, don't focus on the money. Instead, fixate on providing great service to more people while developing internal expertise.

When we pour our energies into serving more people, money usually follows.

So set a goal to be the best at what you do; ideally the best in the world, but along the way, set intermediate goals like gradually becoming the best in your office, company, city and nation.

Understand this: Those are tough goals to achieve, so be patient.

The late publisher and author William Feather once observed: "Successful salesmen, authors, executives and



workmen of every sort need patience. The great liability of youth is not inexperience but impatience."

Are you patient or impatient? My advice today, regardless of your answer, is nurture patience tomorrow.

PHASE 3: GET PAID

Despite being wise enough to not fixate on money like a miserable miser, do keep tabs on the regularity of your flowing income. Track it carefully because the way you manage both your cash inflows and outflows will determine your financial — and overall — destiny.

PHASE 4: LIVE WELL

A foundational principle of my financial planning practice is delayed gratification: Sacrificing some good things today to be able to afford many great things tomorrow.

Only God knows how much longer we have on this Earth. So, don't overspend so much that you miss out on the great joys of life; and don't overspend because that leads to mountains of debt which force us to sacrifice our future quality of life as we pay and pay and pay for past excesses. Instead, choose a middle path of balance.

As first and second century AD Stoic philosopher Epictetus said: "Fortify yourself

with moderation; for this is an impregnable fortress."

PHASE 5: SAVE AND INVEST

While I've entitled this Phase 5 (clearly after Phase 4), in my consulting and training professional work, I teach clients and students to save and invest first before giving to charity (because we can't prudently give what we don't possess) and to only then spend on ourselves.

In secular financial planning a powerful dictum worth adhering to is "Pay Yourself First". Save and invest before you pay everyone else who bills and invoices you: The butcher, the baker, the grocer, the tailor, Tenaga Nasional Bhd, Telekom Malaysia, Maxis, and the banks, of course, for a slew of loans that have become the bane of our lives.

Use a written budget — on paper or in Excel — to gain a firm handle on your expenses and to scrutinise how best to save and invest money in a diversified portfolio that's structured to grant you greater future wealth. Such a portfolio should be built to yield you both capital gains and passive income.

And for as long as you toil to earn your active income (see Phase 1 above), your passive income can be intentionally cycled back to the top of the five-phase process

to incrementally boost your wealth through each iteration.

Note: To ask me questions on this virtuous cycle of wealth creation, you're welcome to attend my free webinar "The ABCs of Financial Planning" with Rajen Devadason on Aug 2 (sign up link: <https://learn.rajendevadason.com/webinar-abc-of-fp/>).

I recommend you start implementing some of the guidelines I've suggested if they suit your circumstances, compulsions, capabilities and convictions. Over the next five weeks, we'll take a deep dive into each of the five phases of our personal financial cycle.

© 2021 Rajen Devadason

Read his free articles at www.FreeCoolArticles.com; he may be connected with on LinkedIn at www.linkedin.com/in/rajendevadason, or via rajen@rajendevadason.com. You may also follow him on Twitter @RajenDevadason and on Clubhouse [Rajen Devadason].



MONEY THOUGHTS
RAJEN DEVADASON, CFP, IS A SECURITIES COMMISSION-LICENSED FINANCIAL PLANNER, PROFESSIONAL SPEAKER AND AUTHOR.